

Felda terus jana pendapatan peneroka

Oleh NAZRULLAH ROSLI
(WARTAWAN UTUSAN)

SERAMAI 50,832 peneroka Felda di seluruh negara kini boleh menarik nafas lega dan bersyukur. Mereka akan menerima kenaikan kadar pinjaman sara hidup dan pendahuluan pendapatan dari RM200 hingga RM500 mulai 1 Mac ini.

Ini bermakna taraf kehidupan mereka meningkat setapak lagi dan sekali gus dapat memantapkan sosioekonomi masyarakat peneroka di kawasan rancangan tanah Felda.

Kenaikan kadar itu juga membuktikan kerajaan menerusi agensinya, Felda terus peka terhadap nasib peneroka tanpa menidakkkan faedah yang diperoleh oleh golongan itu berikutan peningkatan harga komoditi minyak sawit mentah dan getah yang semakin kukuh di pasaran dunia.

Malah, pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merangkap menteri yang bertanggungjawab terhadap Felda juga disifatkan sebagai ketelusan pihak kerajaan selama ini dalam soal pemberian pelbagai dividen, lebihan hasil dan insentif lain bagi memastikan nasib golongan itu terus dibela dari semasa ke semasa.

Pada ketika ini, pendapatan para peneroka antara RM800 dan RM900 dan akan meningkat kepada RM1,000 hingga RM1,300, manakala pendahuluan pendapatan pula antara RM1,400 dan RM1,500 berbanding sebelum ini antara RM1,000 dan RM1,200 sebulan.

Kemewahan yang dinikmati oleh golongan peneroka ini juga adalah hasil kejayaan kerajaan di bawah Kementerian

berkaitan menjalankan pelbagai kempen dan promosi berterusan terhadap dua komoditi utama negara ini di peringkat global.

Hasil daripada itu, permintaan terhadap minyak sawit mentah dan getah meningkat yang sekali gus mempengaruhi harga pasaran dan menyaksikan peningkatan kadar harga kedua-dua komoditi berkenaan.

Pengumuman kenaikan pinjaman sara hidup dan pendahuluan pendapatan itu membuktikan kerajaan sememangnya sentiasa prihatin dan memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat peneroka terutamanya bagi mengimbangi kos sara hidup khususnya di kawasan luar bandar yang semakin meningkat.

Ini diakui oleh Timbalan Pengerusi Gabungan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rakyat (JKKR) Wilayah Jengka, Pahang, Abd. Hamid Shafie.

Beliau menyifatkan kadar baru itu adalah sesuatu yang melegakan, relevan dan bertepatan pada masanya bagi menangani tahap kehidupan di rancangan tanah di samping menjana pendapatan seisi rumah masyarakat peneroka.

Justeru beliau berkata, masyarakat peneroka bersyukur dan berterima kasih kepada pemimpin kerajaan yang sentiasa mencari jalan memperbaiki sistem pengurusan Felda dan memperkenalkan program tanam semula yang dilaksanakan oleh agensi berkenaan.

Mereka juga menganggap pengumuman kenaikan sara hidup dan pendahuluan pendapatan itu sebagai 'durian runtuh' dan satu permulaan yang baik bagi tahun 2008.

Katanya, kini sudah sampai masanya

masyarakat membalas budi dengan memberi sokongan kepada kerajaan yang sentiasa membela nasib masyarakat peneroka yang menetap jauh di kawasan pedalaman.

"Pemberian itu bukan kerana pilihan raya sudah hampir, tetapi selama ini pun, kerajaan tetap dari semasa ke semasa memberi perhatian terhadap masalah yang disuarakan oleh peneroka termasuk pemberian geran hak milik yang sudah dilaksanakan dan kemudahan pendidikan serta ekonomi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini.

Bahkan, katanya lagi, pemberian itu begitu bermakna kepada masyarakat peneroka khususnya bagi mereka yang terabit dalam penanaman semula kelapa sawit dan getah memandangkan kos hidup yang semakin mendesak akibat harga barang keperluan naik.

Ini, tambah beliau, dapat meringankan beban peneroka dalam menambah pendapatan dan sekali gus memberi semangat kepada mereka untuk mengerjakan tanah dalam program tanam semula.

Beliau berkata, ia juga membuktikan keprihatinan kerajaan yang tidak putus-putus membela nasib masyarakat peneroka yang tinggal jauh di pedalaman.

Bagaimanapun, dalam mencongak kemewahan dan keuntungan yang bakal diperoleh oleh masyarakat Felda, mereka juga tidak terlepas dalam soal kemahiran pengurusan kewangan sendiri.

Ini penting agar semua pendapatan peneroka tidak dibazirkan ke arah jalan yang salah atau para peneroka tidak bersedia membuat perancangan ke mana pendapatan mereka digunakan.

Dalam pada itu, beliau turut mengi-

ngatkan masyarakat peneroka yang mendapat kenaikan sara hidup dan pendahuluan pendapatan itu agar berhati-hati ketika membelanjakan wang yang mereka peroleh.

"Dalam kita menikmati kemewahan yang diberikan oleh kerajaan, masyarakat peneroka pula perlu berhemah dalam berbelanja dan jangan ikut hati," katanya.

Beliau seterusnya berkata, jika pendapatan bersih peneroka Felda kini ialah RM3,300 sebulan, tidak mustahil ia memberi satu impak dan menjana semangat mereka untuk terus mengerjakan tanah mereka dengan lebih gigih lagi.

Berbanding generasi Felda terdahulu yang serba kekurangan terutamanya dari segi prasarana, tetapi kini suasana dan kehidupan masyarakat di rancangan tanah itu sudah berubah sama sekali.

Selain memberi pelbagai insentif, Felda juga turut tidak lupa membina pelbagai kemudahan dalam mencapai matlamat mereka membandarkan wilayah Felda agar tidak ketinggalan dari arus pembangunan.

Malah, pada masa ini, di setiap gugusan Felda, pelbagai kemudahan moden dan lengkap telah disediakan termasuk dari segi infrastruktur dan jalan raya, yang dapat membawa hasil para peneroka ke kilang dengan lebih cepat dan lancar.

Walau apa pun, selain mengambil kira perubahan kenaikan harga minyak sawit mentah di pasaran, kadar baru pinjaman sara hidup dan pendahuluan pendapatan ini juga dijangka memberi faedah kepada seramai 50,832 peneroka di samping menjadi tarikan kepada mereka untuk menyertai tanam semula bersama Felda.